

TARIKH	18 / 06 / 2014	SEKSYEN	Dunia
MUKA SURAT	70	RUANGAN	

WHO bimbang wabak MERS menjelang musim haji

LONDON – Penularan virus sindrom pernafasan Asia Barat (MERS) masih menjadi ancaman serius terhadap kesihatan awam, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam tetapi peningkatan mendadak kes MERS kini semakin berkurangan, manakala penyakit itu tidak mendatangkan ancaman sejagat.

Virus MERS yang menyebabkan batuk, demam dan radang paru-paru telah dilaporkan menjangkiti lebih 800 pesakit dengan kebanyakannya di Arab Saudi.

Ia kemudian merebak ke beberapa negara jiran manakala beberapa kes terpencil berlaku di Eropah, Asia dan Amerika Syarikat.

Sekurang-kurangnya 315 orang meninggal dunia akibat jangkitan MERS setakat ini.

Dalam satu kenyataan selepas pertemuan keenam jawatankuasa kecemasan MERS, WHO menyatakan peningkatan kes MERS di Arab Saudi yang bermula April lalu kini reda.

“Selain itu, tiada bukti bahawa MERS menyebabkan jangkitan antara manusia,” kata kenyataan jawatankuasa tersebut.

Namun, WHO menegaskan bahawa situasi semasa MERS masih membimbangkan terutamanya jangkakan peningkatan perjalanan ke Arab Saudi terutamanya pada bulan puasa dan musim haji.

Berjuta-juta orang berkunjung ke kota suci Mekah untuk mengerjakan ibadah haji, manakala musim haji pada tahun ini jatuh pada bulan Oktober. – Reuters



BEBERAPA jemaah Asia memakai topeng mulut dan hidung ketika berada di kota suci Mekah pada 27 Mei lalu. AFP